

## Pembabitan swasta, GLC bantu usaha perkas TVET perlu diperhebat

Februari 27, 2023 @ 8:22pm



*Program perbincangan meja bulat anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi Institut Pengajian Siswazah (IPS) UMP dan Bahagian Kolaborasi Industri & Masyarakat (BKIM) di Bangi. - FB UMP MALAYSIA*

KUALA LUMPUR: Pembabitan pihak swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu diperhebat bagi memperkasakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Mohd Sharil Abdullah, berkata ia penting untuk memenuhi keperluan industri serta menyelesaikan sebahagian masalah salah padanan atau latihan tidak begitu relevan untuk industri.

Sehubungan itu, katanya, program perbincangan meja bulat di antara pihak akademia dan industri juga perlu turut dipergiat.

"Segala informasi yang dikumpul dan digarap (hasil perbincangan meja bulat) akan dapat dimanfaatkan sebaiknya, sekali gus mengukuhkan peranan pihak akademik, industri dan kementerian dalam memperkasakan TVET di Malaysia.

"Penyertaan kumpulan sasaran ini akan membuka ruang interaksi di antara akademia bersama pembuat dasar dan juga industri mengenai keperluan pelaksanaan program pascasiswazah TVET aras tinggi pada masa depan," katanya ketika merasmikan program perbincangan meja bulat di Hotel Tenera Bangi.

Program itu dianjurkan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi Institut Pengajian Siswazah (IPS) UMP dan Bahagian Kolaborasi Industri & Masyarakat (BKIM). Ia disertai lebih 40 wakil industri bagi membincangkan hala tuju program TVET aras tinggi untuk memenuhi keperluan negara.

Program berkenaan juga bertujuan membincang dan mendapatkan penyelesaian dalam pelbagai aspek bagi menjayakan agenda negara dalam usaha meningkatkan tenaga pakar peringkat siswazah seiring dengan Pelan Strategik UMP 2021-2025 (PS25).

Yang turut hadir, Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin dan Dekan Institut Pengajian Siswazah, Prof Datin Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim selaku Pengerusi Perbincangan Meja Bulat Akademia-Industri.

Antara isu lain turut dibincangkan adalah usaha dan cabaran Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dalam merealisasikan hubungan universiti-industri, peranan industri dalam menyokong usaha pemerksaan TVET dan kebolehpasaran graduan TVET aras tinggi.